

**Hubungan Malaysia dengan negara luar tetap utuh - Hishammuddin  
Astro Awani  
03 April 2020  
Fauzi Suhaimi,**

KUALA LUMPUR: Hubungan Malaysia dengan negara-negara luar tetap utuh meskipun berdepan dengan pelbagai ujian khususnya penularan pandemik COVID-19.

Menteri Luar, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, semua negara turut bertekad untuk menangani masalah tersebut secara bersama-sama.

"Saya sedikit sibuk untuk berurusan dengan beberapa kawan di sekitar negara lain dan semua pihak turut berdepan dengan pelbagai cabaran pada masa ini.

"Bagaimanapun kami bertekad untuk melawan COVID-19 secara bersama dan saya yakin kita semua akan berjaya, Insya-Allah," katanya menerusi ciapan di akaun Twiter rasminya di sini pada Jumaat.

Dalam ciapan itu, Hishammuddin turut memuat naik sekeping gambar bersama Putera Mahkota Arab Saudi, Putera Mohammed Salman sambil menyatakan sedang dalam perbincangan dengan beliau untuk urusan membawa pulang rakyat Malaysia.

Hishammuddin yang juga Ahli Parlimen Sembrong berkata, beliau turut menghubungi kepimpinan beberapa negara di Timur Tengah bagi membantu rakyat Malaysia yang terkandas untuk dibawa pulang ke tanah air.

"Buat masa sekarang, mereka yang masih terkandas di negara-negara timur tengah, saya mohon untuk terus kekal berada di rumah dan semoga semuanya selamat.

"Saya juga telah berjumpa dengan Putera Mahkota Arab Saudi bagi meminta bantuan untuk membawa balik rakyat Malaysia yang terkandas di sana dan kita akan lakukan perkara sama bagi rakyat Arab Saudi di sini," katanya.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.  
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/hubungan-malaysia-dengan-negara-luar-tetap-utuh-hishammuddin-236558>